

Maklumat Komoditi : Chrysanthemum

Penuaian

Pokok bunga Chrysanthemum mula mengeluarkan bunga lebih kurang 14 minggu selepas diubah ke ladang. Walau bagaimanapun pokok kekwa mempunyai peringkat pengeluaran bunga yang berlainan. Pokok kekwa mengeluarkan bunga dalam masa 4-6 minggu selepas lampu dipadam terus. Jenis yang tinggi biasanya memerlukan masa yang agak lama sedikit untuk berbunga. Bagi jenis standard, kudupnya dibungkus pada peringkat ladang lagi untuk menjaga mutu. Kertas tisu yang lembut atau jaring nylon digunakan untuk membungkus kudup bunga jenis ini. Ladang disemur dengan racun kulat satu atau dua hari sebelum bunga dituai. Bunga dikerat di sebelah pagi secepat mungkin. Tangkai bunga dipotong lebih kurang satu meter panjang. Bagi jenis standard tangkai bunga dipotong apabila kelopak bunga luar (outer florets) telah kembang tetapi yang dalam masih berkudup. Bagi jenis pompom tangkai dipotong apabila 2-3 kuntum bunga berkembang pada peringkat tersebut. Bunga yang dikerat disyor didirikan dalam baldi berisi air secepat mungkin. Keratan bunga dibiarkan dalam air 2-3 jam untuk mengawal kualiti bunga. Pengendalian Pascatuai Setelah bunga dituai keratan bunga hendaklah terus dibawa ke rumah bungkusan. Keratan-keratan ini didirikan dalam air sebelum diasingkan mengikut warna. Bunga disusun dalam bilangan 12 keratan dan diikat dengan getah dan dibiarkan keratan terendam di dalam air. Jika bunga perlu disimpan, adalah disyor disimpan di bilik sejuk pada suhu 2°C - 3°C. Pada suhu tersebut bunga tahan selama dua minggu. Pembungkusan Kotak-kotak pembungkusan juga seharusnya disimpan di bilik sejuk supaya keratan kekwa sentiasa di dalam keadaan segar sebelum dipasarkan. Bunga keratan hendaklah dibungkus supaya pedisel bunga dan daun tidak patah atau rosak. Untuk memastikan pedisel bunga tidak patah, bunga-bunga dibalut dengan kertas putih. Setiap kotak mempunyai satu warna dan ditandakan diluar kotak, jenis serta bilangan tangkai yang ada di dalamnya.

